

119 peserta perhimpunan Kristian keracunan makanan

Oleh AZRAN FITRI RAHIM

SEREMBAN 7 Dis. - Seramai 119 peserta yang menghadiri satu perhimpunan agama Kristian di Kolej INTI, Nilai dekat sini mengalami keracunan makanan malam tadi.

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr. Rosnah Ismail berkata, kesemua peserta terbabit dikejarkan ke Wad Kecemasan Hospital Tuan-ku Ja'afar (HTJ) kira-kira pukul 10.45 malam.

Katanya, sembilan daripada peserta itu dimasukkan ke wad manakala selebihnya diberikan rawatan sebagai pesakit luar.

"Laporan awal daripada Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan, Pejabat Kesihatan Serem-

Siasatan awal mendapati keracunan itu mungkin berpunca daripada makanan yang diambil oleh peserta berkenaan di kantin kolej terbabit

ban mendapati kes pertama dikesan pada pukul 5 petang semalam apabila salah seorang daripada mereka mendapat rawatan di sebuah klinik swasta di Nilai.

"Selepas itu, seramai 119 peserta perhimpunan berkenaan yang mempunyai tanda dan gejala keracunan makanan seperti loya, muntah dan cirit birit telah dibawa ke HTJ untuk mendapatkan rawatan," katanya di sini, hari ini.

Dr. Rosnah berkata, siasatan awal

mendapati keracunan itu mungkin berpunca daripada makanan yang diambil oleh peserta berkenaan di kantin kolej terbabit.

Tambahnya, Jabatan Kesihatan Negeri telah mengambil sampel makanan untuk dianalisis dan menemuduga peserta yang mendapat rawatan.

"Selain itu, kita juga telah menjalankan pemeriksaan mengenai tahap kebersihan kantin kolej berkenaan," katanya.

DR. ROSNAH ISMAIL
Pengarah
Kesihatan
Negeri Sembilan